

01 MAR 2001

Hotel-F1

KENAIKAN DAHSYAT SEWA HOTEL BOLEH JEJAS INDUSTRI PELANCONGAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Kenaikan mendadak kadar bilik hotel menjelang perlumbaan Grand Prix Formula One di Sepang boleh merosakkan industri pelancongan negara, kata Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata walaupun pada setiap tahun semakin ramai pelancong yang datang tetapi industri itu masih lagi "rapuh".

"Kita mungkin boleh balik pada keadaan lama jika kita tidak berjaga-jaga kerana pelancong datang ke sini disebabkan kadar hotel kita sangat murah berbanding tempat lain," katanya pada sidang media selepas menghadiri perasmian perkhidmatan Silk Air antara Langkawi dan Singapura di Hotel Hilton hari ini.

Abdul Kadir menyifatkan kenaikan itu sebagai "sangat dahsyat" dan bukan kenaikan biasa yang jika berpanjangan, akan menggagalkan program bercorak antarabangsa yang ingin dibawa oleh kerajaan.

"Kita bawa F1 untuk bantu industri pelancongan kita dari sudut jangka panjang...nanti kalau kerajaan hentikan Formula One, semua tidak ada business," katanya.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran akan mengenakan levi terhadap pengusaha hotel disebabkan perbuatan mereka menaikkan harga semasa sesuatu program antarabangsa berlangsung padahal sumbangan mereka terhadap negara sangat sedikit.

Menurut penganjur perlumbaan Formula One di sini iaitu Sepang International Circuit Sdn Bhd, perbuatan pengusaha hotel ini telah menjejaskan penjualan tiket F1 dan setakat ini hanya 25 peratus daripada 90,000 tiket dijual padahal tarikh perlumbaan tinggal 16 hari lagi.

Mengenai pelancaran penerbangan tambahan tujuh kali seminggu Silk Air ke Langkawi daripada empat pada tahun lepas, Abdul Kadir berkata anak syarikat Singapore Airlines (SIA) itu berjaya membawa 36,000 penumpang ke Langkawi dari Singapura pada tahun lepas dan Silk Air memainkan peranan utama kepada perkembangan industri pelancongan Pulau Langkawi.

Ketua Eksekutif Silk Air, Subhas Menon berkata syarikat itu berjaya menarik pelancong Eropah datang ke Langkawi melalui rangkaian penerbangan SIA ke Singapura.

Pulau Langkawi terbukti destinasi pelancongan popular kerana Silk Air mencatatkan kenaikan 10 peratus pertambahan penumpangnya pada Disember dan Januari lepas walaupun penerbangan syarikat itu ke destinasi berkenaan belum dipromosikan lagi.

-- BERNAMA
SLR AHH MAI